



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Kamarazaman Yacob, Jessica Ong Hai Liaw, Nora Ibrahim & Rosfazila Abd Rahman. (2025). Ideologi nasionalisme, Islamisme dan sosialisme mempengaruhi perjuangan kemerdekaan di Nusantara. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 3(4), 40-50. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2025.3.4>

IDEOLOGI NASIONALISME, ISLAMISME DAN SOSIALISME MEMPENGARUHI PERJUANGAN KEMERDEKAAN DI NUSANTARA

*(The Ideologies Of Nationalism, Islamism And Socialism Influence
Towards Independence Struggle In The Archipelago)*

¹Kamarazaman Yacob, ²Jessica Ong Hai Liaw, ³Nora Ibrahim &
⁴Rosfazila Abd Rahman

¹Universiti Utara Malaysia

²Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

³University Poly-Tech Malaysia

⁴Universiti Islam Antarabangsa Selangor

¹*Corresponding author: ikkamarazaman@gmail.com*

Received: 3/2/2025

Revised: 18/5/2025

Accepted: 15/6/2025

Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Budaya politik di rantau Nusantara telah dipengaruhi oleh tiga aliran pemikiran utama iaitu nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme yang menjadi asas kepada perpaduan dalam perjuangan mencapai kemerdekaan. Ketiga-tiga ideologi ini memberi impak besar dalam mencorakkan sejarah politik di wilayah ini, di mana Indonesia sering dijadikan sumber inspirasi bagi gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu. Peristiwa penting seperti Sumpah Pemuda pada tahun 1928, yang mengangkat semangat Negara Indonesia, Bangsa Indonesia,

dan Bahasa Indonesia, telah menyemarakkan kesedaran politik dan aspirasi kemerdekaan di kalangan masyarakat Nusantara. Sukarno, salah seorang tokoh utama dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia, berjaya menyatukan unsur nasionalisme, Islamisme, serta sosialisme-komunisme dalam kerangka perjuangannya. Bagi merapatkan jurang dalam masyarakat, beliau memperkenalkan konsep NASASOS (Nasional, Agama, dan Sosialis) semasa era pemerintahannya, yang sebelumnya dikenali sebagai NASAKOM (Nasionalis, Agama, dan Komunis). Pendekatan inklusif ini memberi dorongan kepada perkembangan gerakan politik di Tanah Melayu, seperti yang dapat dilihat dalam penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945. PKMM menggabungkan pemimpin dari pelbagai latar ideologi diantaranya nasionalis seperti Ghafar Baba dan Sardon Jubir, tokoh Islam seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Taharuddin Taha, serta aktivis berhaluan kiri seperti Ahmad Boestaman dan Mukhtaruddin Lasso. Namun, pengenalan Malayan Union oleh pihak British pada 1 April 1946 telah menimbulkan ketegangan politik, yang akhirnya mencetuskan perpecahan antara pemimpin-pemimpin berbeza fahaman di Malaya.

Kata kunci: Nasionalisme, Islamisme, Sosialisme, Ideologi, Kemerdekaan

ABSTRACT

The political landscape of the archipelago embraced three dominant ideologies such as Nationalism, Islamism, and Socialism as foundational elements in the collective struggle for independence. These ideologies significantly influenced the historical development of the region, with Indonesia frequently serving as a source of inspiration for Malaya's own independence movement. The 1928 Sumpah Pemuda declaration in Indonesia, which emphasized unity through the Indonesian nation, state, and language, played a pivotal role in igniting political consciousness and independence aspirations across the archipelago. Sukarno, a prominent Indonesian leader, skillfully blended aspects of nationalism, Islamic values, and socialist-communist thought as the backbone of his political mission. To foster unity among diverse societal groups, he introduced the concept of NASASOS (National, Religious, and Socialist) during his leadership. Prior to this, his administration was characterized by the ideological fusion known as NASAKOM (Nationalist, Religious, and Communist). Sukarno's inclusive ideological strategy greatly influenced political activism in Malaya. This influence is evident in the formation of the Malay Nationalist Party (PKMM) in 1945, which brought together leaders of varied ideological backgrounds nationalists like Ghafar Baba and Sardon Jubir, Islamic leaders such as Dr. Burhanuddin al-Helmy and Taharuddin Taha, and left-wing figures including Ahmad Boestaman and Mukhtaruddin Lasso. Nonetheless, the British initiative to implement the Malayan Union on April 1, 1946, led to ideological rifts, ultimately causing divisions among Malayan leaders with differing political beliefs.

Keywords: Nationalism, Islamism, Socialism, Ideology, Independence

PENDAHULUAN

Tri-ideologi yang merangkumi Nasionalisme, Islamisme, dan Sosialisme telah menjadi asas penting dalam perjuangan kemerdekaan di Malaya dan Indonesia. Ketiga-tiga ideologi ini, meskipun berbeza dari segi asas dan matlamat, disatukan oleh tujuan bersama iaitu menghalau penjajah yang telah menguasai wilayah ini selama ratusan tahun. Di Malaya, ideologi ini menjadi senjata utama dalam menentang penjajahan Inggeris, sementara di Indonesia, perjuangan menentang Belanda memperlihatkan perpaduan serupa. Kepentingan tri-ideologi ini terletak pada kemampuannya menyatukan masyarakat yang berbilang pandangan demi mencapai kemerdekaan.

Nasionalisme ialah fahaman yang menjunjung tinggi bangsa dan negara. Ia menekankan pembentukan identiti bersama yang bertujuan mempertahankan kedaulatan negara dan memastikan kesahihan politik berdasarkan kebersamaan bangsa. Islamisme pula berasaskan Al-Quran dan Hadis sebagai panduan, dengan cita-cita menegakkan negara Islam yang mengamalkan sistem dan nilai Islam dalam semua aspek kehidupan, termasuk pentadbiran, ekonomi, dan sosial. Matlamat utama Islamisme adalah membebaskan umat Islam daripada pengaruh penjajah Barat. Sosialisme pula menekankan keadilan sosial tanpa mengira kelas, ras, atau kedudukan, dengan tujuan memastikan kekayaan negara diagihkan secara sama rata untuk kesejahteraan rakyat.

Selepas merdeka, tri-ideologi terus memainkan peranan penting dalam percaturan politik di Malaya. Elemen-elemen ideologi ini diterapkan dalam pelbagai gerakan politik untuk memastikan kestabilan sosial dan pembangunan negara. Walaupun kajian ini lebih tertumpu kepada peranan tri-ideologi di Malaya, ia turut mengiktiraf pengaruh penting dari Indonesia, yang menjadi inspirasi kepada kebangkitan politik di Malaya. Perjuangan yang menggunakan tri-ideologi ini menunjukkan bahawa persamaan tujuan boleh mengatasi perbezaan ideologi, khususnya dalam menghadapi cabaran penjajahan dan membentuk masa depan yang lebih baik untuk rakyat.

Perjuangan kemerdekaan di Nusantara tidak berlaku dalam ruang kosong, sebaliknya dibentuk oleh pelbagai aliran pemikiran dan ideologi yang mencorakkan aspirasi rakyat terhadap kebebasan. Dalam proses panjang menentang penjajahan, wujud pengaruh kuat daripada tiga ideologi utama iaitu nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme yang muncul melalui tokoh, gerakan, dan organisasi berbeza. Namun begitu, kajian sejarah sering menumpukan kepada naratif dominan yang memaparkan satu pendekatan tunggal terhadap kemerdekaan, tanpa memberi perhatian sewajarnya terhadap sumbangan dan pertembungan ideologi-ideologi ini. Ini menimbulkan persoalan sejauh mana ketiga-tiga ideologi tersebut memainkan peranan signifikan dalam menggerakkan perjuangan membebaskan tanah air, serta bagaimana ideologi tersebut saling menyokong, bersaing, atau bertentangan dalam konteks sejarah Nusantara. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis bagaimana ideologi nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme mempengaruhi perjuangan kemerdekaan di Nusantara, meneliti tokoh dan gerakan yang menjadi perantara utama penyebaran ketiga-tiga ideologi tersebut, mengkaji hubungan antara ketiga-tiga ideologi sama ada dalam bentuk kerjasama, persaingan atau konflik dan juga untuk menilai sumbangan ideologi-ideologi tersebut dalam membentuk naratif kemerdekaan dan identiti negara pascakolonial.

SOROTAN LITERATUR

Anthony Reid (1988), dalam karya "*Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450–1680*", menelusuri perkembangan masyarakat Asia Tenggara dalam konteks perubahan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku sebelum era penjajahan Barat secara besar-besaran. Reid berhujah bahawa interaksi antara kuasa-kuasa perdagangan antarabangsa dan struktur masyarakat tempatan telah mencetuskan transformasi dalam pemikiran politik serta pembentukan identiti kolektif. Melalui analisis terhadap kebangkitan kelas menengah bandar, pertumbuhan ekonomi pelabuhan, serta penyebaran maklumat dan idea melalui perdagangan dan agama, karya ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana bibit awal semangat nasionalisme mula bercambah jauh sebelum konsep negara bangsa moden diperkenalkan (Din, 2011). Khususnya dalam konteks Nusantara, perubahan-perubahan ini menyediakan asas bagi masyarakat untuk mempertikaikan kuasa penjajah dan mula mempersoalkan kedaulatan politik mereka sendiri. Reid menekankan bahawa nasionalisme tidak muncul secara tiba-tiba pada abad ke-20, sebaliknya ia berakar daripada kesedaran budaya, ekonomi dan sosial yang telah lama terbina. Oleh itu, kajian ini sangat penting dalam memahami latar sosiopolitik yang membentuk tapak awal kepada gerakan kemerdekaan di rantau ini, khususnya dengan menyorot bagaimana masyarakat tempatan mula membina kesedaran kebangsaan melalui pengalaman sejarah mereka sendiri (Pramartha & Parwati, 2025).

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), dalam karya "*Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*" (1972), beliau menegaskan bahawa Islam bukan sekadar agama dalam kehidupan peribadi masyarakat Melayu, tetapi merupakan teras kepada pembentukan identiti, pemikiran, dan struktur budaya Melayu secara menyeluruh. Al-Attas menghuraikan bagaimana kedatangan Islam telah mengubah *worldview* (pandangan alam) masyarakat Melayu daripada bersifat animistik dan Hindu-Buddha kepada satu sistem nilai yang berteraskan tauhid, keadilan sosial, dan tanggungjawab moral. Hal ini bukan sahaja memperkukuh struktur sosial dan budaya Melayu, malah turut menyemai kesedaran politik dan keadilan dalam masyarakat. Dalam konteks perjuangan kemerdekaan di Nusantara, Islam telah berfungsi sebagai sumber inspirasi yang penting, khususnya apabila ideologi Islamisme menuntut penolakan terhadap penjajahan yang dianggap sebagai bentuk kezaliman dan penindasan terhadap umat. Al-Attas juga menjelaskan bagaimana tokoh-tokoh ulama dan pemimpin gerakan Islam memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran politik rakyat, melalui institusi pendidikan Islam, khutbah, dan penulisan (Almubarak, 2018). Oleh itu, karya ini sangat relevan untuk memahami bagaimana Islamisme sebagai satu bentuk ideologi telah mencorakkan gerakan pembebasan, menjadikan Islam bukan sahaja sebagai panduan spiritual tetapi juga sebagai kekuatan mobilisasi masyarakat menuntut kemerdekaan dan maruah bangsa (Alam, 2018).

Dalam karya berpengaruh "*Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*", Benedict Anderson (1983) mengemukakan teori bahawa sesebuah bangsa atau negara-bangsa adalah sebuah "komuniti yang dibayangkan" (*imagined community*), yang terbentuk bukan melalui interaksi fizikal semua ahlinya, tetapi melalui kesedaran kolektif dan perkongsian identiti bersama. Menurut Anderson (1983), nasionalisme bukanlah sesuatu yang wujud secara semula jadi, tetapi ia dibina melalui institusi seperti pendidikan, media cetak (terutamanya akhbar dan buku), bahasa kebangsaan, serta pengalaman sejarah yang dikongsi. Dalam konteks Nusantara, karya ini menjelaskan bagaimana masyarakat di bawah penjajahan membentuk kesedaran nasional melalui penggunaan bahasa ibunda, penyebaran idea anti-

kolonial melalui media dan sistem pendidikan, serta pengalaman bersama dalam menentang kuasa asing. Anderson menekankan bahawa nasionalisme di dunia jajahan muncul sebagai reaksi kepada penguasaan kolonial, tetapi berkembang menjadi ideologi yang menyatukan masyarakat pelbagai etnik, bahasa, dan agama. Sumbangan teori ini sangat besar dalam memahami perjuangan kemerdekaan di Nusantara, kerana ia memberi asas untuk meneliti bagaimana ideologi nasionalisme terbina dalam kalangan masyarakat yang sebelumnya tidak mempunyai sempadan politik yang tetap, tetapi kemudiannya bersatu atas nama bangsa dan tanah air. Oleh itu, kerangka pemikiran Anderson memberi panduan penting dalam memahami dinamika pembentukan identiti nasional dan peranan imaginasi kolektif dalam menggerakkan perjuangan kemerdekaan (Iqbal, et al., 2016).

Ricklefs M. C (1993), dalam karya "*A History of Modern Indonesia since c.1200*", membentangkan analisis menyeluruh tentang perkembangan sejarah Indonesia dari zaman pra-penjajahan hingga era kemerdekaan, dengan menekankan aspek politik, agama, dan sosial yang membentuk identiti masyarakat Indonesia. Ricklefs menggariskan bagaimana pengaruh pelbagai ideologi – khususnya nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme – telah memainkan peranan penting dalam membentuk gerakan kemerdekaan yang kompleks dan pelbagai. Nasionalisme muncul sebagai reaksi terhadap penindasan kolonial Belanda, digerakkan oleh golongan terpelajar dan media massa yang mula menyuarakan tuntutan terhadap hak dan maruah bangsa. Islamisme pula berkembang melalui peranan organisasi seperti Sarekat Islam dan Muhammadiyah yang memperjuangkan pembebasan umat Islam daripada dominasi penjajah, dengan penekanan terhadap nilai keadilan, solidariti, dan pemerkasaan akidah. Sementara itu, sosialisme mendapat tempat dalam kalangan intelektual dan buruh, yang melihat ideologi ini sebagai alat untuk membela nasib rakyat tertindas dan menuntut pembaharuan ekonomi serta sosial. Ricklefs juga menunjukkan bagaimana interaksi dan ketegangan antara ketiga-tiga ideologi ini mencorakkan landskap politik Indonesia menjelang kemerdekaan. Sumbangan utama karya ini ialah penyampaian naratif sejarah Indonesia yang kaya dan berlapis, menjadikannya kajian kes penting bagi memahami dinamika perjuangan kemerdekaan di Nusantara secara lebih luas, khususnya bagaimana pelbagai ideologi telah bergabung dan bertembung dalam usaha membentuk sebuah negara merdeka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan reka bentuk kajian berbentuk sejarah bagi meneliti peranan ideologi nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme dalam perjuangan mencapai kemerdekaan di wilayah Nusantara, khususnya di Indonesia dan Malaya. Data diperoleh daripada sumber sekunder seperti dokumen sejarah, buku ilmiah, jurnal akademik, serta bahan arkib dan media digital yang berkaitan. Proses analisis data dijalankan melalui pendekatan analisis kandungan bertemakan untuk mengenal pasti kesan ideologi serta interaksi antara tokoh dan gerakan politik di kedua-dua kawasan. Bagi menjamin tahap kebolehpercayaan dan kesahihan dapatan, kajian ini menggunakan kaedah triangulasi sumber serta merujuk kepada bahan-bahan sahih dan diiktiraf, selaras dengan prinsip etika dalam penyelidikan akademik.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Perjuangan Kemerdekaan

Budaya politik di rantau Nusantara telah mengiktiraf Nasionalisme, Islamisme, dan Sosialisme sebagai elemen penyatu dalam perjuangan menentang penjajahan. Ketiga-tiga fahaman ini berperanan sebagai penggerak utama dalam membangkitkan semangat kemerdekaan, khususnya di Indonesia yang mencapai kebebasan melalui jalan revolusi. Di Malaya pula, gabungan ideologi ini turut berperanan besar dalam menggerakkan perjuangan melalui saluran politik. Sejarah membuktikan bahawa perkembangan di Indonesia sering menjadi sumber ilham kepada gerakan kemerdekaan di Malaya. Sebagai contoh, peristiwa Sumpah Pemuda pada tahun 1928 di Indonesia yang menggariskan prinsip Negara Indonesia, Bangsa Indonesia, dan Bahasa Indonesia telah merangsang kesedaran politik dan cita-cita pembebasan di seluruh Nusantara. Inspirasi daripada semangat ini mendorong Ibrahim Yaakob untuk menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938.

Perjuangan rakyat Indonesia dalam mencapai kemerdekaan telah menjadi sumber inspirasi penting bagi kebangkitan semangat nasionalisme di Malaya. Keazaman para pejuang Indonesia dalam menentang penjajahan Belanda memberikan dorongan moral kepada pemuda-pemuda Malaya pada era 1930-an. Tambahan pula, kemunculan tokoh-tokoh berhaluan kiri dari Indonesia yang membawa fahaman sosialisme-komunisme, seperti Tan Malaka, Sutan Djenain, Alimin, dan Mokhtaruddin Lasso, turut memperkukuh gerakan pembebasan di Malaya. Kehadiran mereka telah menyemarakkan pengaruh ideologi revolusioner dalam kalangan generasi muda tempatan, sekali gus menguatkan lagi tekad perjuangan menuntut kemerdekaan.

Hubungan rapat antara Indonesia dan Malaya turut terserlah melalui penglibatan tokoh revolusioner Indonesia dalam usaha kemerdekaan di Malaya. Antara tokoh yang terlibat ialah Pak Inu, seorang pejuang kemerdekaan dari Indonesia yang menetap di Kuala Kangsar dan menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1939. Beliau bukan sekadar penoreh getah, tetapi juga seorang aktivis yang pernah terlibat dalam pemberontakan menentang penjajahan Belanda pada tahun 1926, meskipun gerakan tersebut tidak berjaya. Kehadirannya bersama tokoh-tokoh lain menggambarkan betapa eratnya hubungan perjuangan antara kedua-dua negara, di mana semangat kebebasan yang tercetus di Indonesia turut membakar iltizam rakyat Malaya untuk mencapai kemerdekaan (Abdullah C. D., 2005).

Tokoh-Tokoh dan Ideologi yang Dibawa ke Nusantara

Ibrahim Yaakob telah merintis gerakan politik awal di Malaya dengan penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. Beliau berganding bahu dengan Ishak Haji Muhammad, seorang bekas pegawai kerajaan yang kemudian bergiat sebagai wartawan, untuk menjadikan KMM sebagai landasan perpaduan tokoh politik dari pelbagai aliran pemikiran (Rustam A. Sani, 2011). Dalam kalangan tokoh kiri, nama-nama seperti Ahmad Boestaman yang terlibat sejak awal, dan Abdullah C.D yang menyertai pada 1939, menyerlah dalam gerakan ini. Keupayaan Ibrahim Yaakob menghimpunkan pemimpin-pemimpin berpengaruh dari pelbagai latar belakang membuktikan bahawa KMM berperanan sebagai platform penting penyatuan ideologi demi kemerdekaan.

Selain itu, KMM turut menarik penyertaan tokoh seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy yang menggabungkan unsur nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme dalam pendekatannya. Beliau menyertai organisasi ini pada tahun 1939 (Abdullah C. D., 2005) melalui Mustapha Hussin yang ketika itu merupakan Naib Presiden KMM di Singapura (Ismail Said, 2008). Onn Jaafar, yang dikenali sebagai nasionalis terkemuka, juga menyertai perjuangan KMM pada tahun 1942. Penyertaan pemimpin dari pelbagai fahaman ini memperlihatkan bahawa perbezaan ideologi tidak menjadi penghalang kepada aspirasi bersama untuk menamatkan penjajahan di tanah air.

Rentetan daripada perjuangan awal KMM, tertubuhlah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945 di Ipoh. PKMM meneruskan pendekatan radikal KMM dan menjadi parti pertama yang berjaya menghimpunkan aktivis politik dari pelbagai aliran. Kongres pertama PKMM yang diadakan pada November 1945 di Ipoh menjadi satu lagi bukti kejayaan penyatuan ideologi dalam perjuangan nasional. Langkah ini mengukuhkan peranan KMM sebagai perintis kepada gerakan pembebasan di Malaya (Rustam A. Sani, 2011).

PKMM berjaya memimpin usaha kolektif tokoh-tokoh pelbagai ideologi demi kepentingan bangsa dan tanah air. Antara tokoh penting ialah Mokhtaruddin Lasso, seorang aktivis sosialis-komunis dari Indonesia, yang memegang jawatan presiden pertama PKMM. Selepas beliau menghilang, kepimpinan parti diambil alih oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy yang sebelumnya merupakan Naib Presiden (Ismail Said, 2008). Kepimpinan PKMM turut melibatkan tokoh-tokoh seperti Dr. Baharuddin Al-Helmy (Naib Ketua 1), Baharuddin Tahir (Naib Ketua 2), Dahari Ali (Setiausaha), Zulkifli Auni (Naib Setiausaha), Ahmad Boestaman (Ketua Pemuda), Khatijah Ali (Ketua Wanita), Arshad Ashaari (Bendahari), dan Salleh (Ketua Agama). Turut menganggotai Jawatankuasa Pusat ialah Hamzah, Musa Ahmad, Ghafar Baba, Sardon Jubir, Haji Latif, Awang dan Hashim, yang bersama-sama membentuk satu gabungan ideologi yang kukuh bagi memperjuangkan kemerdekaan Malaya (Abdullah C. D., 2005).

Barisan pemimpin PKMM menggambarkan keterangkuman tiga ideologi utama: nasionalisme, Islamisme dan sosialisme. Mereka menunjukkan komitmen untuk mengeneipkan perbezaan ideologi demi mencapai tujuan yang sama, iaitu kemerdekaan. Di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy, parti ini memperjuangkan hak-hak orang Melayu dengan slogan “Merdeka Hak dan Keadilan Putera Melayu,” yang menekankan keadilan sosial serta pemulihan hak bangsa sejajar dengan matlamat kemerdekaan.

PKMM juga merangka asas perjuangannya berinspirasi daripada Panca Sila – gagasan yang diperkenalkan oleh Sukarno dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia. Pada 17 Oktober, parti ini memperkenalkan lima prinsip utama yang menjadi panduan perjuangan mereka. Pendekatan ini bukan sahaja mengeratkan perpaduan dalaman parti, malah menyemarakkan visi kolektif untuk membawa Malaya ke arah pembebasan mutlak daripada penjajahan dan mencapai kemerdekaan yang diidamkan. Lima prinsip perjuangan yang digariskan oleh PKMM turut dipengaruhi oleh gagasan Panca Sila yang diketengahkan oleh Sukarno dalam sidang Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia yang berlangsung pada 18 Ogos di Jakarta. Prinsip-prinsip asas PKMM merangkumi:

1. *Believe in God* (Ketuhanan Yang Maha Esa).
2. *Nationalism* (kebangsaan).

3. *Sovereign of the people* (kedaulatan rakyat).
4. *Universal brotherhood* (persaudaraan sejagat).
5. *Social justice* (keadilan masyarakat).

Sementara itu, Panca Sila versi Indonesia yang dicetuskan oleh Sukarno merangkumi 5 perkara iaitu:

1. *Belief in an all-embracing God* (ketuhanan yang maha Esa).
2. *Righteous and moral humanity* (kemanusiaan yang adil dan beradab).
3. *The unity of Indonesian* (persatuan Indonesia).
4. *Democracy wisely guided and led by close contact with the people through consultation* (keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia)
5. *Social Justice for the entire Indonesia People* (keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia)

Jelas bahawa pendekatan perjuangan kemerdekaan yang berlaku di Indonesia memberikan kesan langsung terhadap dinamika perjuangan di Malaya. Penyatuan pelbagai tokoh dan fahaman ideologi yang berlaku di Indonesia menjadi inspirasi kepada pemimpin-pemimpin di Malaya untuk mengetepikan perbezaan dan bergabung tenaga demi mencapai matlamat bersama iaitu kemerdekaan daripada penjajahan.

Kesan dan Pengaruh

Sukarno berjaya menggabungkan ketiga-tiga ideologi utama iaitu nasionalisme, Islamisme, dan sosialisme-komunisme sebagai teras perjuangannya dalam menuntut kemerdekaan Indonesia. Kemampuannya untuk menyatukan pelbagai golongan dengan ideologi yang berbeza membolehkan beliau meraih sokongan luas daripada nasionalis, Islamis, dan sosialis-komunis. Strategi ini mengukuhkan perjuangan kemerdekaan dan membentuk asas pentadbiran selepas Indonesia merdeka.

Sepanjang tempoh kepresidenannya, Sukarno terus mengamalkan gabungan pelbagai ideologi sebagai strategi untuk mengukuhkan kedudukannya serta memastikan kestabilan politik Indonesia. Beliau telah memperkenalkan konsep NASASOS, akronim bagi Nasionalisme, Agama, dan Sosialisme, sebagai asas falsafah pentadbiran negara. Pendekatan ini menggambarkan kebijaksanaan politik Sukarno dalam menyatukan ideologi yang berbeza demi mencapai tujuan bersama dan menjaga perpaduan nasional.

Sebelum NASASOS diperkenalkan, Sukarno telah menggunakan konsep NASAKOM, iaitu gabungan Nasionalis, Agama, dan Komunis. NASAKOM menjadi asas kepada kerjasama ideologi dalam pentadbiran awal Indonesia, mencerminkan visi Sukarno untuk menyatukan rakyat dengan pelbagai latar belakang ideologi demi pembangunan negara. Gabungan ini menonjolkan kemampuan Sukarno sebagai pemimpin yang pragmatik dan inovatif dalam menangani cabaran politik dan sosial pada zaman tersebut.

Pemikiran Sukarno turut memberi kesan kepada penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada tahun 1945, yang berjaya menyatukan tokoh-tokoh dari ketiga-tiga ideologi utama. Golongan kiri diwakili oleh tokoh seperti Boestaman dan Mukhtaruddin Lasso,

manakala tokoh Islam termasuk Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Taharuddin Taha, sementara golongan nasionalis diwakili oleh Ghafar Baba dan Sardon Jubir. Namun, dengan cadangan British untuk menubuhkan Malayan Union pada 1 April 1946, perbezaan ideologi mula menimbulkan perpecahan dalam kalangan pemimpin politik. Kebanyakan persatuan Melayu menentang Malayan Union, tetapi PKMM mengambil sikap berbeza kerana mereka cenderung menyokong konsep Melayu Raya.

Dalam Kongres Melayu Se-Malaya yang berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman antara 1 hingga 4 Mac 1946, PKMM menghantar wakilnya untuk turut serta. Dalam kongres tersebut, wakil PKMM tetap menegaskan pentingnya perpaduan antara Malaya dan Indonesia. Menurut Ariffin Omar (2017), "*The PKMM which took part in the meeting that led to the founding of the UMNO in Mac 1946, believed in the union of Malaya with Indonesia Raya as both the Malays and the various ethnic groups in Indonesia were from the same bangsa*". PKMM yang mengambil bahagian dalam mesyuarat yang membawa kepada penubuhan UMNO pada Mac 1946, percaya kepada penyatuan Malaya dengan Indonesia Raya kerana orang Melayu serta pelbagai kumpulan etnik di Indonesia adalah daripada bangsa yang sama.

Semasa usaha menubuhkan UMNO, pemimpin daripada ketiga-tiga ideologi masih mampu bekerjasama demi memperjuangkan kemerdekaan. UMNO akhirnya menjadi platform utama yang menghimpunkan sebahagian besar pemain politik negara, terutama selepas pengharaman PKMM dan Hisbul Muslimin pada tahun 1948 akibat pengisytiharan darurat pada Jun tahun yang sama. Beberapa tokoh PKMM seperti Ghafar Baba, Sardon Jubir, dan Aishah Ghani kemudian menyertai UMNO dan menjadi tokoh penting dalam parti tersebut. Menariknya, UMNO secara tidak langsung turut melahirkan PAS, yang kemudiannya menjadi pesaing politik utama UMNO. PAS ditubuhkan oleh tokoh-tokoh agama dalam UMNO, dengan Ahmad Fuad Hassan sebagai pemimpin utamanya.

Pada 11 September 1955, Ahmad Boestaman, bekas Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API), menubuhkan sebuah parti berideologi sosialis. Ahmad Boestaman berjaya mengumpulkan kembali golongan kiri yang sebelum ini aktif dalam parti-parti seperti PKMM, API, dan AWAS, yang telah diharamkan oleh pihak British selepas pengisytiharan darurat. Tindakan penjajah tersebut juga menyaksikan penahanan lebih daripada 12,000 individu daripada kalangan kiri.

Ketiga-tiga ideologi ini terus menjadi asas utama dalam perjuangan parti-parti politik selepas kemerdekaan. UMNO dikenali sebagai parti yang membawa ideologi Nasionalisme, manakala PAS berpegang kepada Islamisme, dan PRM/PSRM mengamalkan ideologi Sosialisme. Sebelum dan selepas kemerdekaan, ketiga-tiga parti ini berlumba-lumba mendapatkan pengaruh serta berusaha memenangi pilihan raya. UMNO dan PAS dianggap sebagai dua parti utama yang mendapat sokongan kuat dalam kalangan masyarakat Melayu, sementara PSRM pula merupakan parti pelbagai kaum yang dipimpin oleh orang Melayu. Walaupun PRM/PSRM diterajui orang Melayu, parti ini gagal menyaingi dominasi UMNO dan PAS dalam kalangan masyarakat Melayu.

Pembentukan Parti Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan UMNO dan Tun Abdul Razak menunjukkan sekali lagi gabungan pelbagai ideologi di negara ini. PAS, yang berpegang kepada ideologi Islamisme, menjadi komponen utama dalam BN, sementara parti-parti progresif seperti SUPP, PPP, dan GERAKAN turut menyertai gabungan tersebut.

Namun, dua parti sosialis utama, iaitu PSRM yang membawa sosialisme saintifik dan DAP yang menganjurkan sosialisme demokratik, tidak menyertai BN. Menurut Syed Husin, Tun Razak merupakan seorang pemimpin nasionalis sejati yang dapat dilihat melalui dasar dan tindakan beliau terhadap negara, termasuk meneruskan prinsip Gerakan Non-Alignment dan penubuhan Zone of Peace Freedom and Neutrality (ZOPFAN). Untuk membangunkan rakyat dan menyatukan kaum, beliau memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru serta melahirkan Rukun Negara.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Sukarno berjaya memimpin gabungan ketiga-tiga kumpulan ideologi yang berbeza di Indonesia untuk menentang penjajahan Belanda dan mencapai kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Beliau bukan sahaja berjaya dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, malah juga berjaya menyatukan ketiga-tiga puak ideologi tersebut selepas Indonesia merdeka. Di Malaysia pula, Tunku Abdul Rahman sebagai tokoh nasionalis gagal menyatukan golongan kiri dan Islamis dalam satu barisan. Hanya Tun Razak yang berjaya menggabungkan ketiga-tiga golongan ini dalam satu perjuangan politik yang lebih menyeluruh. Tri-ideologi ini jelas memberi impak penting dalam sejarah politik dari zaman Malaya hingga Malaysia. Penyatuan serta pertembungan antara parti politik berasaskan ideologi ini terus berlaku sepanjang perjalanan negara. Walaupun berbeza ideologi, usaha mengutamakan kepentingan bangsa dan tanah air menjadi faktor penyatuan utama dalam perjuangan kemerdekaan dan perpaduan. Fenomena tri-ideologi ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah turut mempengaruhi perkembangan politik di Indonesia. Sejarah membuktikan bagaimana ketiga-tiga ideologi ini membentuk dinamik politik kedua-dua negara, di mana perjuangan dan pertembungan antara ideologi kekal menjadi elemen penting dalam politik negara masing-masing.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial, atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah C. D. (2005). *Memoir Abdullah C.D, zaman pergerakan sehingga 1948*. Petaling Jaya: SIRD.
- Alam, D. M. N. (2018). *Pan Islamisme Jamaluddin Al-Afghani dalam perspektif politik Islam* (Doctoral dissertation, UIN Raden Intan Lampung).
- Almubarak, F. (2018). Keadilan Dalam Perspektif Islam. *ISTIGHNA: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Islam*, 1(2), 115-143.
- Anderson, B. (1983). *Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nationalism*. Verso.
- Ariffin Omar. (2017). *Bangsa Melayu, Malay Concepts of Democracy and Community, 1945-1950*. Petaling Jaya: SIRD.
- Din, M. A. O. (2011). Asal usul orang Melayu: menulis semula sejarahnya (The Malay origin: rewrite its history). *Jurnal Melayu*, 7, 1-82.
- Iqbal, U., Hussin, N., & Seman, A. A. (2016). *Sejarah Perkembangan Nasionalisme Melayu Sebelum Kemerdekaan*. BookRix.
- Ismail Said. (2008). *Dr Burhanuddin Al Helmy, Pejuang Melayu Sejati*. Shah Alam: Karisman Publication Sdn. Bhd.
- Pramartha, I. N. B., & Parwati, N. P. Y. (2025). Pengaruh Revolusi Perancis Terhadap Nasionalisme Indonesia Pada Masa Pergerakan Nasional. *Jurnal Sangkala*, 4(1), 1-10.
- Ricklefs, M.C. (1993). *A History of Modern Indonesia since c. 1200*. MacMillan.
- Rustam A. Sani. (2011). *Asal usul sosial golongan kiri melayu*. Petaling Jaya: SIR Temubual bersama Syed Husin Ali, 16 Oktober, 2019, Petaling Jaya
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the age of commerce: 1450-1680. Vol 1. The land below the winds*. Yale University Press.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Islam in Malay History and Culture)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.